

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

1. Senaraikan bilangan penerima Biasiswa *Penang Future Foundation* mengikut DUN dan bangsa pada tahun 2020 sehingga kini.
  - (a) Bagaimanakah mekanisme biasiswa ini ditawarkan dan cara memohon?
  - (b) Senaraikan agensi dan syarikat yang menjadi penyumbang untuk biasiswa ini.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

1. *Penang Future Foundation* (PFF) merupakan sebuah program penawaran biasiswa daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia khususnya anak jati negeri ini yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan. Ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hub bakat. Berdasarkan rekod, jumlah penerima biasiswa PFF dari tahun 2015 sehingga 2023 adalah 751 orang penerima.
  - (a) Program PFF adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak tanpa mengira kaum, agama dan jantina, bahkan maklumat berkenaan bangsa tidak diperlukan sama sekali di dalam proses permohonan biasiswa ini. Keutamaan akan diberikan kepada belia yang cemerlang dan layak daripada keluarga yang berpendapatan rendah hingga sederhana. Setelah berjaya menamatkan pengajian sarjana muda yang ditaja, penerima biasiswa adalah dikehendaki bekerja di Pulau

Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor awam mahupun swasta.

- (b) Program PFF diwujudkan melalui dana awal yang diperoleh daripada sektor swasta dan individu yang berjumlah RM40 juta. Biasiswa ini dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana muda di dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik dan Perakaunan & Kewangan di Malaysia. Ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menarik bakat-bakat baharu untuk bekerja di Pulau Pinang seterusnya menjadikan Pulau Pinang sebagai hub bakat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

2. Senaraikan kumpulan peserta yang terlibat di peringkat akhir Youth Entrepreneurship Challenge (YEC) 4.0.

(a) Apakah hasil yang diperoleh peserta daripada pertandingan ini?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. *Youth Entrepreneurship Challenge (YEC) 4.0* dibahagikan kepada dua (2) kategori, iaitu Kategori Sekolah (*High School Category*) dan Kategori Terbuka (*Open Category*). Sebanyak 20 kumpulan telah memasuki peringkat akhir, YEC 4.0 iaitu 10 di dalam Kategori Sekolah dan 10 lagi dalam Kategori Terbuka.

Senarai 10 kumpulan kategori sekolah adalah seperti berikut:

- (i) SMK Bukit Jambul (*Lawn Harvest*);
- (ii) SMK Jalan Damai (SMK Jalan Damai);
- (iii) Hin Hua High School (*Digital Dynamo*);
- (iv) SMK Sultan Ismail (YEC SSI);
- (v) SMK Persekutuan (AUDEX);
- (vi) SMK Rantau Panjang Serantau (*Intelligenze*);
- (vii) Han Chiang High School (Han Chiang Group 5);
- (viii) SMJK Jit Sin Jalan Binjai (*zoophilist*);

- (ix) Han Chiang High School (POLE); dan
- (x) SMK Engku Husain (SMK Engku Husain).

Senarai 10 kumpulan kategori terbuka adalah seperti berikut:

- (i) *Aimsity*;
  - (ii) *Bubble H2O*;
  - (iii) *Framidea*;
  - (iv) *Metta Maitri*;
  - (v) *Mika*;
  - (vi) *Project Hydration*;
  - (vii) *The Changemaker Academy*;
  - (viii) *Sifu On The Way*;
  - (ix) *Trisafe*; dan
  - (x) *Versa Ventures*.
- (a) 5 pasukan terbaik dari setiap kategori akan menerima hadiah wang tunai seperti perincian berikut:

#### **Kategori Sekolah**

| <b>Kedudukan</b> | <b>Amaun</b> |
|------------------|--------------|
| Pertama          | RM 5,000.00  |
| Kedua            | RM 3,000.00  |
| Ketiga           | RM 2,000.00  |
| Saguhati 1       | RM 500.00    |
| Saguhati 2       | RM 500.00    |

## Kategori Terbuka

| Kedudukan  | Amaun        |
|------------|--------------|
| Pertama    | RM 10,000.00 |
| Kedua      | RM 8,000.00  |
| Ketiga     | RM 5,000.00  |
| Saguhati 1 | RM 1,000.00  |
| Saguhati 2 | RM 1,000.00  |

Selain daripada hadiah wang tunai, pasukan yang terpilih untuk pusingan akhir turut diberi peluang untuk menyertai bengkel-bengkel yang disediakan pra-pertandingan. Bengkel tersebut merangkumi topik seperti berikut:

- (i) Kanvas dan Model Perniagaan;
- (ii) 10 Jenis Pemasaran Untuk Usahawan;
- (iii) Pengurusan Kewangan Untuk Perniagaan Anda; dan
- (iv) Menguasai Bidang Keusahawanan dan Harta Intelek.

Satu sesi perkongsian yang bertajuk *Young Entrepreneurs Forum* turut diadakan sebelum pertandingan diadakan. Forum ini melibatkan perkongsian pengalaman usahawan daripada luar negara.

Peserta turut menerima bimbingan daripada mentor dari pakar industri berdasarkan bidang kumpulan peserta sepanjang proses pertandingan. Kumpulan pemenang turut ditawarkan untuk mengikuti program bimbingan mentor bersama TusStar Malaysia, sebuah platform bersepadu yang menyediakan perkhidmatan terutamanya *start-up*.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

3. Senaraikan bilangan penangkapan penghisap *vape* yang mengandungi bahan terlarang di sekolah-sekolah negeri Pulau Pinang mengikut sekolah dan bangsa.
  - (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mengawal kegiatan murid-murid sekolah daripada terlibat dengan *vape* haram?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) memaklumkan tiada kes berkaitan penangkapan penghisap *vape* yang mengandungi bahan terlarang di sekolah-sekolah negeri Pulau Pinang yang dilaporkan oleh pihak sekolah di dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) sehingga 30 April 2024.
  - (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Pejabat Pendidikan Daerah dan seterusnya pihak sekolah sangat memandang serius berkaitan murid yang terlibat dengan salah laku pengambilan *vape* yang mengandungi bahan terlarang. Pelbagai aktiviti berbentuk kesedaran dan penyampaian maklumat berkaitan dengan keburukan pengambilan *vape* telah dilaksanakan. Pihak sekolah sering memaklumkan kepada semua murid pada waktu sesi persekolahan akan keburukan pengambilan *vape*. Antara aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan pada tahun 2024 seperti di **LAMPIRAN A.**

**LAMPIRAN A**

| <b>BIL</b> | <b>PERKARA</b>   | <b>KUMPULAN SASARAN</b>                                       | <b>TEMPAT</b>  | <b>TARIKH</b>           |
|------------|--|---|--|-------------------------|
| 1          | Nafas Segar  | Murid-murid daerah Barat Daya dan Timur Laut                  | 6 sekolah menengah Daerah Timur Laut dan 5 sekolah Daerah Barat Daya | Oktober 2023 - Feb 2024 |
| 2          | Jerayawara Bersama GBK Barat Daya                      | Guru-guru GBK Barat Daya                                      | Pusat Sukan Air Teluk Kumbar   | 18 April 2024           |
| 3          | Generasi Remaja <i>Excellent</i> (GEN REMEX)           | Murid berpotensi pengambilan <i>vape/</i> rokok               | Kem Bukit Besar Kulim  | 24-26 April 2024        |
| 4          | Kem Persona Potensi Karakter Unggul                    | Murid tahap 2 sekolah rendah kawasan berisiko tinggi Mukim 12 | Pusat Latihan Sukan Air, Teluk Kumbar                                | 30 April 2024           |
| 5          | Sudut PPDa Program Kesepakatan Perangi Dadah dan Rokok | Sekolah Menengah Kawasan Berisiko Tinggi Mukim 12             | SMK Sungai Ara   | 14 Mei 2024             |
| 6          | Sudut PPDa Program Kesepakatan Perangi Dadah dan Rokok | Sekolah Menengah Kawasan Berisiko Tinggi Mukim 12             | SMK Batu Maung   | 16 Mei 2024             |
| 7          | Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2024              | Murid-murid Sekolah   | SMK Air Itam   | 26 Jun 2024             |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

4. Senaraikan bilangan kes buli yang berlaku di sekolah-sekolah Pulau Pinang mengikut sekolah dan bangsa.
- (a) Apakah tindakan yang dikenakan kepada pembuli-pembuli tersebut?
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mengawal kes buli di sekolah?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Bilangan kes buli yang berlaku di sekolah-sekolah Pulau Pinang adalah seperti berikut:

| <b>Bil</b> | <b>Nama Sekolah</b>                          | <b>Kesalahan</b> | <b>Jum</b> |
|------------|--|------------------|------------|
| 1          | SEKOLAH KEBANGSAAN MUTIARA PERDANA           | BULI             | 7          |
| 2          | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SEBERANG JAYA    | BULI             | 1          |
| 3          | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PAUH JAYA        | BULI             | 3          |
| 4          | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MACHANG BUBUK    | BULI             | 3          |
| 5          | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ABDULLAH MUNSHI  | BULI             | 1          |
| 6          | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AIR ITAM         | BULI             | 1          |
| 7          | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI NIBONG    | BULI             | 4          |
| 8          | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI BALIK PULAU | BULI             | 2          |



| Bil | Nama Sekolah                                     | Kesalahan | Jum |
|-----|--|-----------|-----|
| 9   | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI BAYU            | BULI      | 3   |
| 10  | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SAUJANA INDAH        | BULI      | 3   |
| 11  | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN CHUNG HWA CONFUCIAN  | BULI      | 2   |
| 12  | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (P) METHODIST        | BULI      | 1   |
| 13  | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATUK HJ ABDUL KADIR | BULI      | 1   |
| 14  | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI ARA           | BULI      | 3   |
| 15  | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN METHODIST            | BULI      | 1   |
| 16  | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SIMPANG EMPAT        | BULI      | 2   |

- (a) Antara tindakan yang dikenakan kepada pembuli adalah seperti berikut:
- (i) Pengetua atau Guru Besar (PGB) yang mengetahui kejadian salah laku buli di sekolahnya, perlu mengikuti Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan yang diterbitkan pada 3 November 2023. Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai rujukan semua tindakan pertama yang digariskan pada Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli Kementerian Pendidikan (KPM) adalah menghubungi ibu bapa atau penjaga murid yang terbabit, sama ada pelaku dan mangsa;
  - (ii) Tindakan kedua, menghantar dan mengiringi murid (sama ada mangsa atau pelaku) ke klinik atau hospital kerajaan/*One Stop Crisis Center* (OSCC) yang berdekatan bagi pemeriksaan fizikal sekiranya murid itu mengalami kecederaan fizikal atau gangguan emosi;
  - (iii) Tindakan ketiga, memastikan aduan salah laku buli yang diterima direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM);
  - (iv) Tindakan keempat, memastikan laporan awal dilengkapkan menurut Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7 Tahun 2011: Pelaksanaan *Standard Operating Procedure*

(SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid (SOP 1:3:7);

- (v) Tindakan kelima, mengemukakan laporan awal kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) supaya laporan awal itu dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan KPM.; dan
  - (vi) Jika ibu bapa atau penjaga mangsa tidak mengambil peduli dengan keadaan mangsa, Seksyen 29A Akta Kanak-kanak 2001 membolehkan, PGB untuk memberikan maklumat kepada pegawai kebajikan masyarakat jika mendapati, mangsa dcederakan dari segi fizikal atau emosi akibat salah laku buli itu.
- (b) Kerajaan Negeri melalui agensinya mengadakan beberapa siri kempen kesedaran dalam mengawal kes buli di sekolah antaranya kempen *Penang Goes Orange* yang dianjurkan oleh Penang Women Development Corporation (PWDC) pada tahun lalu, 25 November 2023 hingga 10 Disember 2023 bertemakan #Kindness4Wellness: *Let's End Bullying* fokus untuk membendung buli di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah.

Pelbagai aktiviti-aktiviti telah dijalankan untuk meningkatkan kesedaran para pelajar dan komuniti dalam tempoh 16 hari ini. Acara pelancaran 'Walk against bullying' dan persembahan-persembahan yang berunsurkan isu buli telah dijalankan di Padang Kota Lama. Seramai 4,000 orang telah menyertai acara ini. Seterusnya, aktiviti-aktiviti ceramah telah dianjurkan di 126 buah sekolah menengah (55,000 pelajar) di seluruh Pulau Pinang dengan sokongan pihak JPN dan Polis Diraja Malaysia. Selain itu, Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga juga telah menjalankan aktiviti-aktiviti kesedaran di komuniti masing-masing, yang mencapai penyertaan 6,000 orang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

5. Senaraikan bilangan kes rogol atau cabul berkumpul di sekolah-sekolah Pulau Pinang mengikut sekolah dan bangsa.
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mengawal kes cabul dan rogol dalam kalangan pelajar sekolah?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang memaklumkan bahawa tiada kes yang dilaporkan sehingga 30 April 2024 di dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) berkaitan kes rogol dan cabul berkumpul. Di samping itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang memaklumkan tiada kes cabul dan rogol dalam kalangan pelajar sekolah dilaporkan.
- (a) Antara usaha Kerajaan Negeri dalam menangani dan mengawal kes cabul dan rogol dalam kalangan pelajar sekolah adalah seperti berikut:
- (i) Dalam konteks kawalan, pihak sekolah melaksanakan intervensi secara terus dengan murid di sekolah. Pelaksanaan Intervensi Pencegahan merupakan usaha yang berasaskan kepada sesuatu masalah itu mungkin timbul dan meruncing. Usaha perlu dijalankan bagi menghalang kes seksual berlaku. Pelaksanaan intervensi pencegahan boleh menggunakan pelbagai cara atau pendekatan dalam menangani salah laku seksual. Keperluannya dapat dikesan melalui petunjuk atau petanda yang berlaku dalam persekitaran semasa. Contoh program intervensi yang dapat dijalankan ialah

kempen, program psikopendidikan, pendidikan pencegahan isu salah laku seksual, edaran poster, risalah, ceramah kesedaran, forum dan sebagainya;

- (ii) Pelaksanaan Intervensi Perkembangan bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan, membina kemahiran dan akhlak murid supaya mereka mempunyai ketahanan diri yang kuat untuk menghadapi situasi yang mengganggu keselamatan diri. Intervensi perkembangan perlu dirancang dengan melibatkan aktiviti kurikulum dan kokurikulum murid bagi mengenali diri sendiri dan orang sekeliling sebelum berlaku kejadian salah laku seksual kepada murid. Pelaksanaan intervensi perkembangan harus mencakupi aspek agama, nilai dan moral, psikososial dan kesejahteraan mental sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bidang intervensi perkembangan yang perlu diberikan tumpuan adalah perkembangan agama dan moral, perkembangan psikososial, perkembangan kognitif dan afektif, perkembangan fizikal (fisiologikal) dan seksual, perkembangan vokasional dan kerjaya;
- (iii) Pegawai Perhubungan Sekolah yang akan menjadi *liason* pihak Polis dan sekolah berkaitan salah laku pelajar;
- (iv) Mengadakan kempen, pameran dan ceramah kesedaran di sekolah-sekolah mengenai gangguan seksual yang boleh menjadi titik permulaan kepada jenayah rogol;
- (v) Memberi pendedahan dan apa tindakan yang boleh dilakukan jika kejadian berlaku ke atas diri sendiri sebagai mangsa;
- (vi) Memberi perkhidmatan kaunseling kepada pelajar (mangsa / pelaku);
- (vii) Penerangan dan pendedahan mengenai undang-undang dan kuasa pihak polis terhadap pesalah rogol dan seksual; dan
- (viii) Membuka jalan kepada mangsa, atau rakan-rakan mangsa agar memberi kerjasama kepada pihak polis melalui kelab kaunseling di sekolah (guru kaunseling).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

6. Senaraikan bilangan kes LGBT atau seumpama dengannya di sekolah-sekolah Pulau Pinang mengikut sekolah dan bangsa.
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi menghalang keterlibatan murid dengan LGBT dari peringkat sekolah?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) memaklumkan berdasarkan rekod sehingga 30 April 2024, tiada kes berkaitan LGBT yang dilaporkan.
- (a) Usaha Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) menangani keterlibatan murid dengan LGBT seperti berikut:
- (i) Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) sentiasa komited melakukan usaha penerangan dan bimbingan melalui seminar dan program dalam memberikan intervensi perkembangan kepada murid;
  - (ii) Melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 13 Tahun 2023, semua program penataran berkaitan salah laku seksual telah pun diadakan dengan semua Pengetua dan Guru Besar dan semua Penolong Kanan HEM;
  - (iii) Semua Guru Bimbingan dan Kaunseling mengikuti program Jerayawara Gerak Tindak Unit Bimbingan dan Kaunseling Tahun 2024;

- (iv) Pihak sekolah diminta melaksanakan program yang tertumpu kepada pendekatan pencegahan LGBT;
- (v) Intervensi dari Unit Bimbingan dan Kaunseling dilaksanakan bagi memastikan semua murid tidak terjebak dengan gejala LGBT;
- (vi) Program Kaunseling berfokus juga diadakan dikalangan murid agar mereka tidak terjebak dengan masalah LGBT dan salahlaku seksual yang lain; dan
- (vii) Program kunjung bantu dan pemantauan dilaksanakan secara rawak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

7. Senaraikan bilangan murid yang buta Al-Quran atau tidak tahu membaca Al-Quran di sekolah-sekolah di Pulau Pinang.
- (a) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri dalam mendekati murid-murid beragama Islam kepada Al-Quran?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Tiada data mengenai pelajar buta Al-Quran direkodkan, namun pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) ada mengenal pasti sebilangan murid yang belum menguasai Al-Quran iaitu masih di dalam proses pembelajaran Iqra 1 - 3.
- (a) Pendekatan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) dalam mendekati murid-murid beragama Islam kepada Al-Quran antaranya adalah seperti berikut:
- (i) Perlaksanaan Program Perkasa Al-Quran peringkat negeri dan daerah;
  - (ii) Dialog Prestasi Pencapaian Penguasaan Al-Quran Peringkat Daerah;
  - (iii) Program Literasi Al-Quran peringkat negeri (LIQA');
  - (iv) Membimbing dan menyokong program peningkatan pencapaian Al-Quran oleh Panitia Pendidikan Islam;

- (v) Kem Perkasa Al-Quran;
- (vi) Penataran Modul Pintas Pantas membaca Al-Quran kepada Guru Pendidikan Islam;
- (vii) Dialog prestasi bersama sama ketua Panitia untuk pencapaian Al-Quran;
- (viii) Program Sifar Iqra' bersama SK Permatang Buloh;
- (ix) Program Mengenal Huruf Al-Quran (umur 4 dan 5 tahun);
- (x) Program Mari Mengaji (modul Iqra' 1 hingga 3), (umur 6 tahun);
- (xi) Program Jom Menghafal Al-Quran Siri 1 & 2;
- (xii) Program Modul Salam KAFA; dan
- (xiii) Program Satu Hari Huruf Al-Quran.



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

8. Senaraikan bilangan pelajar yang mengikuti bidang STEM mengikut kaum di sekolah-sekolah Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga kini.
- (a) Apakah insentif Kerajaan Negeri kepada pelajar-pelajar ini?
  - (b) Apakah usaha kerajaan dalam menarik minat pelajar untuk mengikuti bidang ini?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Senarai bilangan pelajar yang mengikuti bidang STEM mengikut kaum di sekolah-sekolah di Pulau Pinang dari tahun 2018 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Murid-murid diberi pendedahan tentang kerjaya-kerjaya profesional melalui lawatan sambil belajar ke industri, program motivasi dan *career talk* dalam bidang STEM. Sebagai contoh pada tahun 2023, Penang Science Cluster dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), Universiti Sains Malaysia (USM) dan National Instruments (NI) Malaysia telah mendedahkan lebih 200 murid terhadap kerjaya STEM dan Kejuruteraan Komputer dengan mengadakan lawatan industri dan perkongsian kejuruteraan oleh jurutera-jurutera di dalam bidang IT.
  - (b) Kerajaan Negeri melalui agensi seperti Penang STEM, Penang Science Cluster (PSC) dan Techdome Penang sentiasa berterusan mencari jalan terbaik bagi membangunkan modal insan berpengetahuan, berkemahiran untuk menyertai aliran

STEM. Fokus utama adalah bagi melahirkan bakat STEM yang mampu beradaptasi memenuhi keperluan masa hadapan. Strategi yang dilaksanakan oleh JPNPP termasuk melalui peningkatan kualiti program akademik dan latihan, memastikan hasil pembelajaran lebih bermakna, memanfaatkan teknologi baharu dan memperkukuh tadbir urus. Pelbagai langkah proaktif dalam usaha meningkatkan minat dan peratusan penyertaan pelajar dalam bidang STEM selari dengan pengisian terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Di bawah perancangan tersebut, antara pelbagai langkah yang dilaksanakan untuk meningkatkan minat pelajar terhadap aliran tersebut adalah menjalankan pendekatan pembelajaran baharu dan dengan pengukuhan kurikulum, menambah baik kemahiran dan kebolehan guru STEM, meningkatkan kesedaran tentang STEM dalam kalangan pelajar, ibubapa serta orang awam. Antara salah satu inisiatif yang signifikan yang akan diadakan adalah Karnival Mega STEM/ TVET 2024 peringkat Negeri Pulau Pinang. Selain itu, komitmen Kerajaan Negeri yang sangat tinggi dalam meneruskan fokus kepada penekanan terhadap kursus berteknologi tinggi bersesuaian dengan permintaan guna tenaga pasaran industri melalui bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui Penang Development Skill Centre (PSDC).

Kesemua ini dirancang dan dilaksanakan untuk menarik minat murid dalam bidang STEM dan menyediakan pekerja separuh mahir dan mahir menjelang tahun 2026 di mana perlu mengisi 5000 pekerja setiap tahun di Pulau Pinang.

**ENROLMEN MURID STEM  
NEGERI PULAU PINANG TING.4 SESI 2023/2024 MENGIKUT KAUM  
Sumber Data: MOEIS berakhir pada 30 April 2024**

---

|                                   | Melayu | Cina | India | Lain-lain | JUMLAH |
|-----------------------------------|--------|------|-------|-----------|--------|
| STEM A                            | 1617   | 2048 | 393   | 111       | 4169   |
| STEM B                            | 445    | 391  | 85    | 20        | 941    |
| STEM C1                           | 62     | 0    | 0     | 1         | 63     |
| STEM C2                           | 545    | 79   | 90    | 28        | 742    |
| MATEMATIK TAMBAHAN SAHAJA         | 574    | 816  | 146   | 53        | 1589   |
| AMBIL MANA-MANA SATU ELEKTIF STEM | 909    | 52   | 98    | 33        | 1092   |

**Jumlah murid Tingkatan 4 Sesi 2023/2024 : 17,337 pelajar**

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

9. Senaraikan tadika berdaftar di Pulau Pinang mengikut DUN.
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menetapkan harga siling kepada tadika agar tidak menjadi beban kepada ibu bapa membayar yuran pendaftaran dan bulanan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Senarai tadika berdaftar di negeri Pulau Pinang mengikut DUN adalah seperti di **Lampiran A**.
- a. Berdasarkan makluman dari Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) berkaitan penetapan harga siling tadika agar tidak menjadi beban kepada ibu bapa membayar yuran pendaftaran dan bulanan adalah seperti berikut:
- i. JPNPP telah menetapkan kenaikan yuran hanya boleh dinaikkan tiga (3) tahun sekali dengan kadar 30% kenaikan sahaja dari harga semasa yuran; dan
  - ii. Kerajaan Negeri juga menyalurkan bantuan kepada ibu bapa B40 dengan kadar RM600 setahun bagi tadika-tadika yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melibatkan 524 penerima dan 80 buah tadika pada tahun 2023 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM394,400.00.

**SENARAI TADIKA BERDAFTAR MENGIKUT DUN NEGERI PULAU PINANG**

| <b>BIL</b>                | <b>NO</b> | <b>SENARAI DUN PULAU PINANG</b> | <b>BILANGAN TADIKA BERDAFTAR</b> |
|---------------------------|-----------|---------------------------------|----------------------------------|
| 1                         | N01       | Bertam                          | 25                               |
| 2                         | N01       | Penaga                          | 1                                |
| 3                         | N03       | Pinang Tunggal                  | 4                                |
| 4                         | N04       | Permatang Berangan              | 3                                |
| 5                         | N05       | Sungai Dua                      | 11                               |
| 6                         | N06       | Telok Ayer Tawar                | 6                                |
| 7                         | N07       | Sungai Puyu                     | 7                                |
| 8                         | N08       | Bagan Jermal                    | 8                                |
| 9                         | N09       | Bagan Dalam                     | 9                                |
| 10                        | N10       | Seberang Jaya                   | 31                               |
| 11                        | N11       | Permatang Pasir                 | 4                                |
| 12                        | N12       | Penanti                         | 2                                |
| 13                        | N13       | Berapit                         | 13                               |
| 14                        | N14       | Machang Bubuk                   | 27                               |
| 15                        | N15       | Padang Lalang                   | 11                               |
| 16                        | N16       | Perai                           | 9                                |
| 17                        | N17       | Bukit Tengah                    | 15                               |
| 18                        | N18       | Bukit Tambun                    | 22                               |
| 19                        | N19       | Jawi                            | 18                               |
| 20                        | N20       | Sungai Bakap                    | 20                               |
| 21                        | N21       | Sungai Acheh                    | 13                               |
| 22                        | N22       | Tanjong Bunga                   | 9                                |
| 23                        | N23       | Air Putih                       | 7                                |
| 24                        | N24       | Kebun Bunga                     | 3                                |
| 25                        | N25       | Pulau Tikus                     | 5                                |
| 26                        | N26       | Padang Kota                     | 8                                |
| 27                        | N27       | Pengkalan Kota                  | 6                                |
| 28                        | N28       | Komtar                          | 11                               |
| 29                        | N29       | Datok Keramat                   | 11                               |
| 30                        | N30       | Sungai Pinang                   | 7                                |
| 31                        | N31       | Batu Lancang                    | 16                               |
| 32                        | N32       | Seri Delima                     | 10                               |
| 33                        | N33       | Air Itam                        | 8                                |
| 34                        | N34       | Paya Terubong                   | 8                                |
| 35                        | N35       | Batu Uban                       | 9                                |
| 36                        | N36       | Pantai Jerejak                  | 18                               |
| 37                        | N37       | Batu Maung                      | 25                               |
| 38                        | N38       | Bayan Lepas                     | 29                               |
| 39                        | N39       | Pulau Betong                    | 14                               |
| 40                        | N40       | Telok Bahang                    | 1                                |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |           |                                 | <b>464</b>                       |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

10. Senaraikan projek pembangunan sekolah rendah dan menengah mengikut status projek pembangunan sekolah, naik taraf bangunan dan projek terbengkalai sekolah di setiap daerah di Pulau Pinang.

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Maklumat projek pembangunan untuk sekolah rendah dan sekolah menengah di Pulau Pinang mengikut status pelaksanaannya adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**Senarai Projek Pembangunan Yang Sedang Dilaksanakan Melibatkan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Di Bawah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang**

| BIL. | DAERAH               | JENIS SEKOLAH               | SENARAI PROJEK   | STATUS/ CATATAN   |
|------|----------------------|-----------------------------|--|---|
| 1    | Timur Laut           | Sekolah Rendah              | Cadangan Mendirikan 1 Unit Dewan Terbuka Berbumbung Di Atas Sebahagian Lot 808, <b>Sekolah Kebangsaan Jelutong</b> , Seksyen 1, Mukim Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang | i. Pembinaan Baharu<br>ii. Lewat Jadual                               |
| 2    | Barat Daya           | Sekolah Menengah            | Cadangan Membina 1 Blok Bangunan Tambahan 14 Bilik Darjah Dan Lain-Lain Kemudahan Di <b>SMK Seri Balik Pulau</b> , Pulau Pinang  | i. Naik Taraf<br>ii. Lewat Jadual                                     |
| 3    | Barat Daya           | Sekolah Rendah              | Pembinaan Bangunan Baharu 6 Bilik Darjah, 6 Bilik Darjah PPKI Dan Lain-Lain Kemudahan Di <b>SK Titi Teras</b> , Barat Daya, Pulau Pinang   | i. Naik Taraf<br>ii. Mengikut Jadual                                  |
| 4    | Barat Daya           | Sekolah Rendah dan Menengah | Pembinaan Bangunan Baharu <b>Kompleks Sungai Tiram</b> , Barat Daya, Pulau Pinang  | i. Pembinaan Baharu<br>ii. Mengikut Jadual                            |
| 5    | Seberang Perai Utara | Sekolah Rendah              | Pembinaan Bangunan Baharu 1 Bilik Darjah Prasekolah Integrasi Di <b>SK Hashim Awang</b> , Pulau Pinang   | i. Naik Taraf<br>ii. Mengikut Jadual                                  |
| 6    | Seberang Perai Utara | Sekolah Menengah            | Cadangan Membina 1 Blok Bangunan Tambahan 12 Bilik Darjah Dan Lain-Lain Kemudahan Di <b>SMK Datuk Hj Ahmad Said</b> , Seberang Perai Utara, Pulau Pinang                               | i. Naik Taraf<br>ii. Lewat Jadual                                     |
| 7    | Seberang Perai Utara | Sekolah Menengah            | Pembinaan Bangunan Gantian Surau Dan Lain-Lain Kemudahan Di <b>SMK Bertam Indah</b> , Seberang Perai Utara, Pulau Pinang   | i. Naik Taraf<br>ii. Mengikut Jadual                                  |
| 8    | Seberang Perai Utara | Sekolah Menengah            | Cadangan Membina Sekolah Baharu 24 Bilik Darjah Dan Lain-Lain Kemudahan Di <b>SMK Bertam Putra</b> Seberang Perai Utara Pulau Pinang   | i. Projek Terbangkalai<br>ii. Dalam Proses Lantikan Semula Kontraktor |

| BIL. | DAERAH                | JENIS SEKOLAH    | SENARAI PROJEK  | STATUS/ CATATAN                            |
|------|-----------------------|------------------|---|--|
| 9    | Seberang Perai Tengah | Sekolah Rendah   | Pembinaan Bangunan Baharu 2 Bilik Darjah Prasekolah Di <b>SK Pauh Jaya</b> , Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang  | i. Naik Taraf<br>ii. Mengikut Jadual       |
| 10   | Seberang Perai Tengah | Sekolah Rendah   | Cadangan Membina 1 Blok Bangunan Tambahan Di <b>SJKC Permatang Tinggi</b> Yang Mengandungi 12 Bilik Darjah Dan Lain-Lain Kemudahan Berkaitan, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang | i. Naik Taraf<br>ii. Lewat Jadual          |
| 11   | Seberang Perai Tengah | Sekolah Menengah | Pembinaan Sekolah Baharu 20 Bilik Darjah, Asrama Dan Kemudahan-Kemudahan Lain Di <b>SMKA Seberang Perai Tengah</b> , Pulau Pinang   | i. Pembinaan Baharu<br>ii. Mengikut Jadual |
| 12   | Seberang Perai Tengah | Sekolah Rendah   | Daif Pulau Pinang (2023) - Pembinaan Semula Bangunan Baru Daif <b>Sekolah Kebangsaan Mengkuang</b> , Pulau Pinang (PBA0011)   | i. Naik Taraf<br>ii. Mengikut Jadual       |



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

11. Senaraikan bilangan pusat pengajian tinggi kerajaan dan swasta yang terdapat di Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan pusat pengajian tinggi dan jumlah yang disalurkan peruntukan oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2020 sehingga kini.
  - (b) Bagaimana Kerajaan Negeri membina jaringan dengan pusat pengajian tinggi yang ada di Pulau Pinang?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Senarai bilangan pusat pengajian tinggi kerajaan dan swasta yang terdapat di Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A - ID 107**.
- (a) Bidang Pendidikan Tinggi adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Tinggi bertanggungjawab untuk menyediakan peruntukan bagi sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan dan institusi pendidikan. Sungguhpun begitu, Kerajaan Negeri komited untuk menyokong pelaksanaan program yang melibatkan pendidikan tinggi melalui penubuhan Jawatankuasa MMK Pengajian Tinggi. Di samping itu, Kerajaan Negeri turut menyalurkan peruntukan secara tahunan kepada KITAB Pulau Pinang yang mengendalikan dua (2) projek khas Kerajaan Negeri iaitu *Al-Hady Centre (AHC)* dan *Penang Islamic Digital Library (PIDL)* bagi menjalankan program, kajian dan penyelidikan dalam bidang ilmunan Islam.

- (b) Antara usaha Kerajaan Negeri dalam membina jaringan dengan pusat pengajian tinggi yang terdapat di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Penubuhan Jawatankuasa MMK Pendidikan dan Pengajian Tinggi dengan tujuan menjadi suatu platform perbincangan yang aktif antara semua institusi-institusi pendidikan tinggi yang terdapat di Negeri Pulau Pinang demi memastikan segala isu yang dihadapi boleh ditangani secara berkhemah dengan kerjasama Kerajaan Negeri; dan
  - (ii) Melaksanakan beberapa program yang melibatkan kolaborasi antara pusat pengajian tinggi antaranya adalah program Persidangan Antarabangsa Zakat Pulau Pinang 2024 yang telah dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri, Zakat Pulau Pinang dan Universiti Sains Malaysia pada 15 dan 16 Februari 2024.

**SENARAI INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI AWAM (IPTA) DAN INSTITUT  
PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS) DI NEGERI PULAU PINANG**

| <b>Bil.</b> | <b>IPTA</b>         | <b>Nama dan Alamat Institusi</b>   |
|-------------|---------------------|--|
| 1           | UiTM                | Kampus Bertam  |
| 2           |                     | Kampus Bukit Mertajam  |
| 3           |                     | Kampus Permatang Pauh  |
| 4           | USM                 | Induk  |
| 5           |                     | Kejuruteraan   |
| 6           | Politeknik          | Balik Pulau  |
| 7           |                     | METRO Tasek Gelugor  |
| 8           |                     | Seberang Perai   |
| 9           | Kolej<br>Komuniti   | Bayan Baru   |
| 10          |                     | Bukit Mertajam   |
| 11          |                     | Kepala Batas   |
| 12          |                     | Nibong Tebal   |
| 13          |                     | Seberang Jaya  |
| 14          |                     | Tasek Gelugor  |
| <b>Bil.</b> | <b>IPTS</b>         | <b>Nama dan Alamat Institusi</b>   |
| 1           | Universiti          | Universiti Terbuka Wawasan (Wawasan Open University)   |
| 2           | KCLN                | Royal College of Surgeons In Ireland And University College Dublin Malaysia Campus                         |
| 3           | Kolej<br>Universiti | UOW Malaysia KDU Penang University College   |
| 4           |                     | Kolej Universiti Asia Kepimpinan Wanita (Asian Women's Leadership University College)                      |
| 5           |                     | Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech (Twintech International University College of Technology) |
| 6           |                     | Kolej Universiti Komunikasi Han Chiang (Han Chiang University College Of Communication)                    |

**SENARAI INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI AWAM (IPTA) DAN INSTITUT  
PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS) DI NEGERI PULAU PINANG**

|    |  |  |
|----|--|--|
| 7  | Kolej  | Advance Tertiary College Penang  |
| 8  |  | Kolej Antarabangsa Kejururawatan dan Sains Kesihatan KPJ Cawangan Pulau Pinang |
| 9  |  | Kolej Antarabangsa Stradford (Stradford International College)                 |
| 10 |  | Kolej Metaverse Universal (KMUV) (Metaverse Universal College (MVUC))          |
| 11 |  | Kolej Cosmopoint Pulau Pinang  |
| 12 |  | Kolej Disted   |
| 13 |  | Kolej Equator (Equator College)  |
| 14 |  | Kolej Integrasi Perkembangan Kemahiran (IPK) (IPK College)                     |
| 15 |  | Kolej INTI Antarabangsa Pulau Pinang (INTI International College Penang)       |
| 16 |  | Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB)                                     |
| 17 |  | Kolej Peninsula Georgetown (Peninsula College Georgetown)                      |
| 18 | Kolej Kejururawatan dan Sains Kesihatan Adventist (Adventist College of Nursing and Health Sciences) |  |
| 19 | Kolej Kejururawatan Lam Wah Ee   |  |
| 20 | Kolej MSU Penang (MSU College Penang)  |  |
| 21 | Kolej Pergigian Antarabangsa Pulau Pinang (Penang International Dental College)                      |  |

**SENARAI INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI AWAM (IPTA) DAN INSTITUT  
PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS) DI NEGERI PULAU PINANG**

|    |   |
|----|---|
| 22 | Kolej Veritas Pulau Pinang (Veritas College Penang) |
| 23 | Kolej SEGi Pulau Pinang                             |
| 24 | Kolej Sentral Pulau Pinang (Sentral College Penang) |
| 25 | Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC)     |
| 26 | The One Academy Penang                              |
| 27 | Kolej Vitrox (Vitrox College)                       |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

12. Apakah perkembangan terkini projek Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang telah diluluskan oleh Kementerian Pengangkutan?
- (a) Berapakah kos pembinaan projek ini dan siapakah yang akan membiayainya?
  - (b) Sejauh manakah jangkaan projek ini dapat menyelesaikan masalah kesesakan di Daerah Barat Daya?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Kos projek Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang Laluan Mutiara akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

*Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd* (MRT Corp) telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan sebagai pemaju dan pemilik aset projek LRT Pulau Pinang pada April 2024.

MRT Corp telah memulakan proses perolehan untuk projek ini dan pemeriksaan awam untuk segmen dua (2) iaitu dari KOMTAR ke Penang Sentral akan dilaksanakan pada suku keempat 2024. Pemeriksaan awam bagi jajaran dari Pulau Silikon ke KOMTAR tidak perlu dilaksanakan semula buat masa ini kerana ia adalah jajaran yang sama seperti yang telah ditentukan sebelum ini.

Setelah proses perolehan dimuktamadkan, kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada suku pertama tahun 2025.

Pembukaan keseluruhan laluan dijangka akan mula beroperasi pada suku kedua tahun 2030.

- (a) Kos pembinaan LRT Pulau Pinang dianggarkan dalam lingkungan RM10 bilion ke RM13 bilion dan akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.
- (b) Jajaran Laluan Mutiara akan menghubungkan lokasi utama di sekitar pulau, menghidupkan semula kawasan lama seperti di kawasan Permatang Damar Laut serta kawasan sekelilingnya dan mengoptimumkan potensi kawasan baru yang dibangunkan, meliputi zon penduduk, industri, komersial, dan pelancongan yang penting. Laluan Mutiara ini akan menghubungkan destinasi penting termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA), Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas (FIZ), Pusat Bandar Georgetown, Penang Sentral di Seberang Pulau, serta kawasan penduduk yang padat, dan juga dijangka untuk meningkatkan sektor perniagaan dan pelancongan. Laluan Mutiara ini juga akan melalui kawasan yang padat di Daerah Barat Daya seperti Bayan Lepas, Bayan Baru, Sungai Dua, Gelugor dari Georgetown (Komtar) dan merentasi laut dari stesen KOMTAR ke stesen Penang Sentral. Kesesakan lalulintas disebabkan kemasukan kereta dari bahagian Seberang Perai ke Bayan Lepas dan di sepanjang laluan ini dijangka dapat dikurangkan.

LRT Laluan Mutiara ini juga dilihat dapat memangkin pertumbuhan ekonomi, menjana pendapatan rakyat dan meningkatkan kualiti hidup keseluruhan rakyat Pulau Pinang.

Dengan kewujudan Laluan Mutiara ini juga diharapkan bahawa masyarakat setempat dan pelancong dapat bergerak dengan lebih efisien dan cepat dengan kadar yang lebih jimat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

13. Senaraikan syarat-syarat bagi peniaga-peniaga kecil dapat menjalankan perniagaan mereka di kawasan awam.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Syarat-syarat kepada peniaga-peniaga kecil bagi menjalankan perniagaan di kawasan awam adalah seperti berikut:
- (a) Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas dan pembantu peniaga terdiri daripada Warganegara Malaysia serta mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
  - (b) Pemohon perlu membuat permohonan temu duga melalui portal *ulesen.mbpp.gov.my* dan Sistem Pengurusan Lesen Interaktif Bersepadu (SPEEDBiz) sebelum tarikh tutup bagi kawasan perniagaan;
  - (c) Pemohon perlu mendapatkan kebenaran daripada pemilik bangunan/ tanah untuk menjalankan aktiviti perniagaan bagi premis milik kerajaan atau agensi;
  - (d) Mematuhi Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MPPP) 1983, Undang-Undang Kecil Pasar MPPP 1980 dan Undang-Undang Kecil Penjaja 1979;
  - (e) Mematuhi Undang-Undang Kecil Penjaja MPSP 1991 dan segala arahan serta peraturan yang dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dari semasa ke semasa;



- (f) Mempamer/ membawa lesen/ permit penjaja yang telah diluluskan semasa aktiviti perniagaan dijalankan;
- (g) Memastikan keadaan gerai/ kereta tolak/ kenderaan dan peralatan yang digunakan berada dalam keadaan bersih, selamat dan sesuai digunakan;
- (h) Memastikan tiada peralatan/ perkakasan ditinggalkan selepas aktiviti perniagaan;
- (i) Menjalankan perniagaan di tapak yang diluluskan;
- (j) Mengamalkan pengasingan sisa di punca semasa aktiviti perniagaan dijalankan;
- (k) Menyediakan tong sampah dan karung plastik berserta penutup;
- (l) Memastikan penjajaan yang dijalankan adalah bersifat bungkus atau *take away* dan bergantung pada aktiviti penjajaan;
- (m) Tidak meletakkan kenderaan di bahu jalan, lorong belakang premis atau mana-mana lokasi yang boleh menyebabkan halangan dan gangguan lalu lintas, kerosakan infrastruktur dan harta kerajaan;
- (n) Tidak membuang sisa makanan dan bahan buangan ke dalam longkang atau mana-mana tempat awam lain;
- (o) Tidak menggunakan khidmat pembantu jualan dalam kalangan kanak-kanak; dan
- (p) Tidak menggunakan bekas pembungkus polisterin.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

14. Isu banjir warga asing di Pulau Pinang. Apakah usaha kerajaan bagi mengatasi warga asing ini supaya tidak mengganggu kehidupan rakyat tempatan?
- (a) Berapakah jumlah warga asing yang berdaftar di Pulau Pinang mengikut negara sehingga tahun 2023?
  - (b) Berapakah kes jenayah melibatkan warga asing yang telah berlaku dari tahun 2020 hingga 2023?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Dalam usaha untuk mengurangkan kadar jenayah di Negeri Pulau Pinang terutamanya kes-kes yang melibatkan warganegara asing, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil beberapa langkah agar masalah sosial dan kes jenayah tidak terus meningkat demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan orang ramai terus terjamin. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:
- i. Semua Ketua Polis Daerah telah diarah untuk mempertingkatkan pencegahan jenayah dengan menambah anggota polis beruniform, membuat Rondaan Bit Jalan Kaki dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB), Rondaan Kereta Peronda dan operasi-operasi berkala di tempat-tempat sasaran yang menghadapi peningkatan jenayah;
  - ii. Penerangan dan hebahan maklumat dari segi menjaga harta benda dan nyawa bersama agensi-agensi kerajaan yang lain

dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Tindakan ini termasuklah mengadakan kempen, ceramah dan penubuhan Rakan Cops untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai betapa pentingnya mengawal harta benda dan nyawa sendiri;

- iii. Menangani dengan berkesan terhadap jenayah-jenayah yang menjadi penyumbang utama kes seperti samun, curi motosikal, pecah rumah dan ragut dengan mewujudkan *Task Force* bagi menangani kes-kes jenayah tersebut;
  - iv. Meningkatkan penguasaan undang-undang berhubung pekerja-pekerja asing dengan melipatgandakan operasi mengesan, menahan dan menghantar semula pekerja tanpa izin ke negara asal mereka;
  - v. Meningkatkan kawalan dan pengawasan di sepanjang persisiran dan perairan pantai; dan
  - vi. Sentiasa mengawasi dalang dan sindiket yang menguruskan kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).
- (a) Jumlah warga asing yang berdaftar di Pulau Pinang sehingga tahun 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Kes jenayah melibatkan warga asing yang telah berlaku dari tahun 2020 sehingga 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

**BILANGAN WARGA ASING YANG BERDAFTAR DI PULAU PINANG SEHINGGA  
DISEMBER 2023**

| <b>BIL</b> | <b>WARGANEGARA</b>        | <b>BILANGAN</b> |
|------------|---------------------------|-----------------|
| 1          | Bangladesh                | 43054           |
| 2          | Nepal                     | 38456           |
| 3          | Indonesia                 | 34467           |
| 4          | Myanmar                   | 22487           |
| 5          | India                     | 5045            |
| 6          | Filipina                  | 2584            |
| 7          | Vietnam                   | 2215            |
| 8          | Pakistan                  | 1465            |
| 9          | Thailand                  | 815             |
| 10         | Sri Lanka                 | 300             |
| 11         | Cambodia                  | 168             |
| 12         | China                     | 42              |
| 13         | Lao PDR                   | 16              |
| 14         | Jepun                     | 1               |
| 15         | Uzbekistan                | 1               |
|            | <b>Jumlah Keseluruhan</b> | <b>151116</b>   |

**BILANGAN KES JENAYAH MENGIKUT KATEGORI DARI TAHUN 2020 SEHINGGA 2023**

| BIL                               | KATEGORI JENAYAH                     | 2020       | 2021       | 2022       | 2023       |
|-----------------------------------|--------------------------------------|------------|------------|------------|------------|
| 1                                 | Bunuh                                | 28         | 32         | 12         | 13         |
| 2                                 | Rogol                                | 7          | 5          | 10         | 4          |
| 3                                 | Samun Berkawan Senjata Api           | 2          | 0          | 3          | 0          |
| 4                                 | Samun Berkawan Tanpa Senjata Api     | 10         | 15         | 30         | 6          |
| 5                                 | Samun Senjata Api                    | 0          | 0          | 1          | 0          |
| 6                                 | Samun Tanpa Senjata Api              | 5          | 16         | 13         | 11         |
| 7                                 | Mencederakan                         | 72         | 65         | 72         | 57         |
| 8                                 | Lain-Lain Kecurian                   | 58         | 41         | 58         | 86         |
| 9                                 | Curi Motokar                         | 2          | 4          | 7          | 1          |
| 10                                | Curi Motosikal                       | 25         | 5          | 9          | 9          |
| 11                                | Curi Van / Lori / Jentera Berat      | 1          | 0          | 1          | 0          |
| 12                                | Pecah Rumah                          | 28         | 30         | 14         | 30         |
| 13                                | Cuba Bunuh                           | 0          | 0          | 1          | 2          |
| 14                                | Culik                                | 11         | 6          | 6          | 6          |
| 15                                | Merusuh                              | 65         | 33         | 43         | 16         |
| 16                                | Pemerasan                            | 6          | 0          | 10         | 3          |
| 17                                | Ugutan Jenayah                       | 15         | 14         | 30         | 35         |
| 18                                | Keganasan Rumahtangga                | 3          | 10         | 4          | 8          |
| 19                                | Cabul                                | 13         | 16         | 17         | 18         |
| 20                                | Penderaan Kanak-Kanak                | 3          | 1          | 0          | 3          |
| 21                                | Buang Bayi                           | 1          | 1          | 0          | 0          |
| 22                                | Pencerobohan                         | 3          | 2          | 4          | 4          |
| 23                                | Khianat                              | 4          | 7          | 4          | 5          |
| 24                                | Menghalang Penjawat Awam             | 53         | 5          | 4          | 1          |
| 25                                | Bahan Kakisan & Letupan              | 0          | 0          | 0          | 1          |
| 26                                | Akta Peniaga <i>Second Hand</i> 1946 | 0          | 0          | 0          | 1          |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN JENAYAH</b> |                                      | <b>415</b> | <b>308</b> | <b>353</b> | <b>320</b> |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

15. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengetengahkan sukan bola tampar di Pulau Pinang?
- (a) Apakah insentif dan skim yang disediakan oleh kerajaan kepada Persatuan Bola Tampar Pulau Pinang?

**YB GOOI ZI SEN MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Antara usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengetengahkan sukan bola tampar di negeri ini adalah melalui penubuhan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Bola Tampar Pulau Pinang yang telah disertai oleh pelbagai pihak berkepentingan kini dipelopori oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Pulau Pinang (MSSPP), Persatuan Sukan Negeri serta kelab-kelab sukan tempatan untuk membincang, meneliti, menyelaras, dan menghulurkan bantuan untuk mempelbagaikan penganjuran kejohanan demi pembangunan sukan terbabit. Jawatankuasa ini telah menganjurkan Kejohanan Bola Tampar bawah 14 tahun Pulau Pinang bagi memilih pemain-pemain negeri yang layak untuk mewakili negeri ke Kejohanan Bola Tampar bawah 14 tahun Kebangsaan pada tahun lepas.

Jawatankuasa Kerja tidak dibentuk dengan tujuan untuk mengambil alih pengurusan Persatuan Bola Tampar Negeri Pulau Pinang yang diberi punca kuasa penubuhan dan pendaftaran di bawah Pesuruhjaya Sukan Malaysia, sebaliknya hanya bertindak sebagai sebuah platform perundingan sihat dan telus dengan mengadakan

perbincangan yang positif demi pembangunan dan perkembangan sukan Bola Tampar di Negeri Pulau Pinang.

- (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang menyediakan bantuan subsidi kewangan dan insentif kecemerlangan sukan kepada semua Persatuan Induk Sukan Negeri bernaung di bawah keanggotaan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang termasuk kepada Persatuan Bola Tampar Pulau Pinang yang terlibat aktif dalam penyediaan atlet-atlet berprestasi tinggi negeri Pulau Pinang.

Penyaluran bantuan kewangan atau insentif yang disalurkan oleh MSNPP kepada Persatuan Bola Tampar Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) Pelantikan Jurulatih Sukan Negeri Pulau Pinang untuk program pembangunan atlet bakat, pelapis dan SUKMA Negeri;
- (ii) Bantuan subsidi kewangan untuk penyertaan pertandingan dalam negara dan luar negara dan penganjuran pertandingan;
- (iii) Bantuan subsidi kewangan untuk perolehan peralatan sukan dan pakaian pertandingan;
- (iv) Pembayaran elaun latihan atlet SUKMA dan elaun latihan atlet elit;
- (v) Skim Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang;
- (vi) Skim Sukan Awam Penang2030;
- (vii) Skim Token Wang Saku Atlet Kebangsaan;
- (viii) Skim Bantuan Pengurusan dan Pentadbiran Persatuan Sukan Negeri; dan
- (ix) *Penang Athlete Career Education* (Skim kebajikan dalam pelajaran, kerjaya dan perubatan atlet-atlet SUKMA Negeri).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

16. Bagaimanakah Kerajaan Pulau Pinang membela nasib penjaja kecil di tepi jalan serta apakah usaha kerajaan bagi membuka peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga ini?
- (a) Nyatakan insentif dan skim yang disediakan.
  - (b) Adakah kerajaan bercadang untuk membuka lebih banyak tapak perniagaan supaya peniaga-peniaga mendapat tempat yang sesuai untuk berniaga?

**YB RASHIDI BIN ZINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. (a) Kerajaan Negeri melalui pihak Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pelbagai agensi serta jabatan sentiasa bekerjasama dalam membela nasib penjaja kecil di tepi jalan dengan melaksanakan pelbagai langkah seperti berikut:
- (i) Kerajaan Negeri melaksanakan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) yang merupakan salah satu program di bawah Pengerusi Jawatankuasa MMK Luar Bandar dengan nilai maksimum bantuan alatan sebanyak RM3,000.00 kepada usahawan kecil yang layak dan diluluskan dalam mesyuarat Focus Group Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah (FGD). Turut disediakan adalah kursus modal insan yang memfokuskan kepada penduduk yang



berminat untuk menjana pendapatan tambahan melalui kursus jangka pendek seperti kursus makanan sejuk beku, kursus tukang gunting rambut dan jahitan. PBT membantu dalam memudahkan proses pengeluaran lesen / permit kepada penjaja / peniaga kecil iaitu lesen dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari untuk permohonan yang lengkap;

- (ii) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) turut menyediakan Skim Simpanan Harapan (SPH) yang diwujudkan sebagai satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peniaga dan penjaja kecil dengan jumlah pinjaman antara RM5,000 sehingga RM50,000.00;
  - (iii) PBT menawarkan gerai-gerai di pasar awam dan kompleks penjaja bagi tujuan penempatan semula melalui proses temuduga terbuka dan memberi keutamaan kepada peniaga-peniaga kecil di tepi jalan dalam permohonan tersebut;
  - (iv) PBT berusaha untuk melesenkan dan mendaftarkan penjaja-penjaja yang beroperasi tanpa kebenaran mengikut dasar-dasar sedia ada;
  - (v) PBT mengeluarkan permit penjaja sementara kepada penjaja yang berniaga secara bermusim atau sementara di kawasan dibenarkan;
  - (vi) PBT menyediakan tambahan petak niaga di pasar-pasar awam / kompleks makanan PBT yang masih mempunyai ruang bersesuaian;
  - (vii) PBT membina pasar dan kompleks makanan yang baharu bertujuan bagi penambahan ruang perniagaan; dan
  - (viii) PBT mensyaratkan kepada pemaju untuk menyediakan ruang niaga dalam pembangunan.
- (b) Kerajaan Negeri melalui pihak MBSP sedang mengenalpasti beberapa lokasi penjajaan bagi penempatan semula penjaja-

penjaja tanpa lesen di seluruh kawasan Seberang Perai pada tahun 2024 manakala pihak MBPP pula telah menyediakan peruntukan untuk menaik taraf serta membaiki gerai-gerai milik MBPP sedia ada bagi mewujudkan suasana perniagaan yang lebih selesa kepada pelanggan bergantung kepada keperluan dan keadaan semasa di tapak. Tempat perniagaan yang bersih, strategik dan moden telah dibina dan dinaiktaraf semula agar selaras dengan kemajuan semasa. Selain itu, kedua-dua PBT turut mensyaratkan kepada pemaju supaya mengambil kira keperluan kemudahan awam ketika permohonan Pelan Kebenaran Merancang dengan membina pasar awam dan pusat penjaja di lokasi-lokasi yang strategik bagi memenuhi permintaan dan keperluan semasa penjaja kecil.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

17. Berapakah jumlah sumbangan yang disalurkan kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang melalui Kerajaan Negeri pada tahun 2020 hingga kini?
- (a) Adakah Liga Bola Sepak *Division* anjuran FAP akan dijalankan pada tahun 2024?
  - (b) Mengapakah kerajaan tidak membantu pasukan futsal negeri sehinggakan pasukan Pulau Pinang tidak dapat menyertai MPFL 2024?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Bagi tahun 2020, peruntukan Kerajaan Negeri yang telah disalurkan kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) adalah berjumlah RM8,878,131.85.

Walaupun bagaimanapun, pada tahun 2021, Syarikat Penang FC Sdn. Bhd. telah ditubuhkan dan diletakkan di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) bagi tujuan mengambil alih pengurusan pasukan bola sepak profesional. Sejak penubuhan Syarikat Penang FC Sdn. Bhd., Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) tidak lagi menerima geran pembangunan atau bantuan kewangan tahunan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

- (a) Setakat kini, pihak FAP diketahui tidak berkemampuan untuk melaksanakan sebarang pengajuran Liga Bola Sepak berdasarkan kepada kedudukan kewangan persatuan yang tidak mengizinkannya untuk berbuat demikian. Pihak persatuan masih bergantung penuh terhadap sumbangan

kewangan dari mana-mana pihak untuk meneruskan usaha penganjuran liga-liga bola sepak peringkat tempatan.

- (b) Pihak persatuan menganggarkan perbelanjaan penuh berjumlah sebanyak RM859,000.00 adalah diperlukan untuk membolehkan penyertaan pasukan Futsal Lelaki mengharungi lebih kurang 20 buah perlawanan dalam tempoh 10 bulan di dalam Kejohanan Futsal Malaysia Premier League dan Piala Malaysia 2024. Permohonan dari pihak persatuan masih berada di peringkat pertimbangan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, pihak FAP dicadangkan untuk mendapatkan tajaan atau dana sendiri bagi membiayai pertandingan yang disertai oleh persatuan ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

18. Apakah perancangan yang telah disusun bagi tahun 2024 dalam kalendar sukan untuk Rakyat Pulau Pinang?
- (a) Apakah usaha kerajaan bagi mengetengahkan bakat-bakat baru dalam dunia bola sepak negara?
  - (b) Adakah peruntukan yang telah disediakan kepada Persatuan Pengadil Bola Sepak Pulau Pinang pada tahun 2024 menjalankan aktiviti mereka?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Bagi tahun 2024, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) mensasarkan penganjuran beberapa Klinik Pengenalan Sukan bagi menggalakkan pembangunan sukan seterusnya meningkatkan bilangan atlet-atlet pelapis negeri. Pelaksanaan Program Sukan Massa masyarakat setempat bagi tahun 2024 dengan kerjasama Persatuan Sukan Negeri, pertubuhan bukan kerajaan dan kelab-kelab sukan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Antara usaha yang sedang dilaksanakan bagi meningkatkan pertumbuhan bakat-bakat baharu dalam bola sepak negeri serta meningkatkan kualiti bola sepak negara adalah melalui keberlangsungan Program Pembangunan Bola Sepak Negara atau '*National Football Development Program (NFDP)*'. Program ini digerakkan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia bersama Persatuan Bola Sepak Malaysia dan Persatuan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang serta pemegang-pemegang taruh yang lain termasuk Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Jabatan

Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.

Program ini melatih pemain dari seluruh negara melalui pusat-pusat kecemerlangan yang dibentuk seperti:

- (i) Akademi Tunas (Umur 7-12 Tahun).
  - (ii) Pusat Latihan Daerah (Umur 13-17 Tahun).
  - (iii) Sekolah Sukan Negeri (Umur 13-17 Tahun).
  - (iv) Sekolah Sukan Malaysia (Umur 13-17 Tahun).
  - (v) Akademi Mokhtar Dahari (Umur 13-17 Tahun).
- (b) Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang tidak menyediakan sebarang peruntukan kepada Persatuan Pengadil Bola Sepak Pulau Pinang. Geran Mengurus Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang hanya diperuntukkan kepada Persatuan Sukan Negeri Induk bagi sesuatu sukan yang menjadi sebahagian daripada anggota rasmi dibawah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang selaras dengan Akta 29, Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 dan dikhususkan kepada persatuan sukan negeri yang terlibat dengan penyediaan atlet-atlet SUKMA negeri untuk diketengahkan bagi menyertai Kejohanan Sukan Malaysia sahaja.

**LAMPIRAN A****Program Sukan Massa Masyarakat Setempat Bagi Tahun 2024**

| <b>BIL</b> | <b>PROGRAM</b>   | <b>TARIKH</b>   |
|------------|--|-----------------|
| 1          | Program Akar Umbi Untuk Sukan Kita – Klinik Sukan Silat 2024       | 20 Januari 2024 |
| 2          | Renesas <i>Charity Funwalk</i>                                     | 21 Januari 2024 |
| 3          | Program Akar Umbi Untuk Sukan Kita Bersama <i>Decathlon Penang</i> | 25 Jan 2024     |
| 4          | Klinik Pengenalan Asas Olahraga                                    | 25 Jan 2024     |
| 5          | Klinik Pengenalan Asas Ping Pong                                   | 25 Jan 2024     |
| 6          | Klinik Pengenalan Asas Tinju                                       | 25 Jan 2024     |
| 7          | Klinik Pengenalan Asas Bola Keranjang                              | 25 Jan 2024     |
| 8          | Klinik Pengenalan Asas Memanah                                     | 25 Jan 2024     |
| 9          | Klinik Pengenalan Asas Badminton                                   | 25 Jan 2024     |
| 10         | Larian Garmin  | 28 Jan 2024     |
| 11         | Larian <i>Chinese New Year</i>                                     | 4 Feb 2024      |
| 12         | Larian JCI Pearl   | 9 Mac 2024      |
| 13         | Pantai <i>Funrun</i>   | 10 Mac 2024     |
| 14         | Larian FUND 2.0  | 10 Mac 2024     |
| 15         | Kejohanan <i>Finswimming</i>                                       | 6 April 2024    |
| 16         | Larian Hari Raya   | 14 April 2024   |
| 17         | Larian Balik Kampung   | 20 April 2024   |
| 18         | Larian Amal Hospice  | 21 April 2024   |
| 19         | Larian Madani Rakyat   | 28 April 2024   |
| 20         | <i>Penang Hill Climb</i>   | 28 April 2024   |
| 21         | <i>Paw Paw Walk</i>  | 28 April 2024   |
| 22         | Larian <i>Labour Day</i>   | 1 Mei 2024      |
| 23         | Larian <i>Sunshine Charity</i>                                     | 12 Mei 2024     |

|           |                                       |                 |
|-----------|---------------------------------------|-----------------|
| <b>24</b> | <i>Walk For Sight</i>                 | 25 Mei 2024     |
| <b>25</b> | <i>Ride For Sight</i>                 | 15 Jun 2024     |
| <b>26</b> | <i>Pantai Marathon</i>                | 23 Jun 2024     |
| <b>27</b> | <i>D2M Charity Run</i>                | 23 Jun 2024     |
| <b>28</b> | Larian Amal Semarak                   | 27 Julai 2024   |
| <b>29</b> | <i>World Brain Day Run</i>            | 21 Julai 2024   |
| <b>30</b> | <i>Penang Fellowship Ride</i>         | 28 Julai 2024   |
| <b>31</b> | <i>Penang Hill Heritage Challenge</i> | 18 Ogos 2024    |
| <b>32</b> | <i>Alliance Bank Run</i>              | 20 Oktober 2024 |
| <b>33</b> | SCI Run                               | 27 Oktober 2024 |



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

19. Senaraikan atlet dan jenis sukan yang menerima elaun insentif RM500.
- (a) Apakah syarat-syarat untuk penerimaan insentif ini?
  - (b) Apakah insentif lain yang boleh dimohon untuk kebajikan atlet?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Skim Bantuan Elaun Insentif Galakan Prestasi (Token Wang Saku berjumlah RM500.00) telah diperkenalkan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang bermula pada bulan Mac 2024. Skim ini diwujudkan dengan tujuan untuk memberi galakan dan dorongan kepada atlet-atlet negeri Pulau Pinang.

Sehingga bulan Mei 2024, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah menerima sepuluh (10) permohonan dan telah meluluskan pembayaran kepada tiga (3) orang atlet yang mematuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

- (i) Ng Chun Chen (Sukan Gimnastik), penyertaan di *11th Senior Asian Gymnastic Championships* di Tashkent, Uzbekistan pada 16 Mei 2024;
- (ii) Zarith Imaan Zubaidi Bt. Khalid Zubaidi (Sukan Gimnastik), penyertaan di *FIG Apparatus World Cup 2024* di Doha Qatar pada 17 April 2024; dan

- (iii) Rachel Yeoh Li Wen (Sukan Gimnastik), penyertaan di FIG *Apparatus World Cup* 2024 di Doha Qatar pada 17 April 2024.

Sebanyak tujuh (7) lagi permohonan sedang melalui proses penilaian dan rujukan kepada Persatuan Sukan Kebangsaan untuk pengesahan penyertaan.

- (a) Syarat utama skim ini adalah atlet perlu mewakili pasukan negara untuk penyertaan temasya, kejohanan atau pertandingan sukan di peringkat antarabangsa yang dipelopori penyertaannya oleh badan induk sukan negara menerusi Persatuan Sukan Kebangsaan, Majlis Sukan Negara Malaysia atau Majlis Olimpik Malaysia.
- (b) Antara insentif-insentif kebajikan lain yang ditawarkan kepada atlet-atlet SUKMA Negeri dan Negara yang dipelopori di bawah Skim *Penang Athlete Career & Education* (PACE) adalah:
  - (i) Basiswa Pendidikan Sukan bagi atlet-atlet yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi di IPTA/IPTS tempatan dengan penawaran biasiswa berjumlah antara RM800.00 ke RM1,500.00 setiap semester mengikut taraf Diploma atau Ijazah Sarjana Muda.
  - (ii) Insentif Pendidikan secara *one-off* berjumlah antara RM500.00 ke RM1,000.00 setiap seorang atas kejayaan atlet negeri melanjutkan pelajaran ke peringkat Sijil, Diploma atau Sarjana Muda; dan
  - (iii) Bantuan Insentif Galakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) turut dilaksanakan bagi menggalakkan atlet-atlet negeri untuk turut beraksi cemerlang dalam pendidikan terutamanya dalam peperiksaan tingkatan 5 dan 6 di mana mereka yang berjaya meraih sekurang-kurangnya 5A dalam peperiksaan SPM atau 2A dalam peperiksaan STPM akan ditawarkan insentif galakan berjumlah RM200.00 untuk setiap satu 'A' dalam STPM dan RM100.00 untuk setiap satu 'A' dalam SPM.

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang turut menawarkan pelbagai bantuan kewangan dari segi bantuan rawatan perubatan, insurans kesihatan dan khidmat bantuan kerjaya pekerjaan kepada atlet-atlet yang memerlukannya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

20. Senaraikan syarikat-syarikat yang terlibat dalam pelancongan negeri.
- (a) Apakah syarat syarikat-syarikat untuk terlibat dengan Kerajaan Negeri?
  - (b) Apakah insentif kerajaan kepada syarikat-syarikat ini?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Syarikat yang terlibat secara langsung dengan Kerajaan Negeri dalam pelancongan negeri adalah anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Penang Global Tourism (PGT) dan Penang Convention and Exhibition Bureau (PICEB). Selain itu, pihak anak syarikat Kerajaan Negeri juga mengadakan Program Rakan Industri (IPP) di mana pemain industri yang berkaitan dengan industri acara perniagaan dan pelancongan digalakkan untuk menyertai program ini.
- (a) Bagi penyertaan IPP, setiap rakan industri harus menyerahkan dokumen sokongan seperti Sijil Penubuhan Syarikat, Akaun yang diaudit dan profil syarikat kepada pihak anak syarikat Kerajaan Negeri dan semua dokumen ini akan diteliti dan diperiksa sebelum kelulusan. Ini adalah untuk memastikan bahawa rakan industri adalah layak dan berkemampuan.
  - (b) Keahlian IPP ini adalah percuma dan pihak anak syarikat Kerajaan Negeri akan mengendalikan program pembangunan serta *networking* bersama industri. Selain itu, pihak anak syarikat Kerajaan Negeri juga akan melibatkan rakan IPP bagi

pembidaan dan peluang perniagaan acara perniagaan yang baharu dan terlibat dalam acara pameran perniagaan di luar negara.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

21. Senaraikan EIA, TIA dan SIA bagi projek LRT di Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan tanah yang terlibat di Parlimen Balik Pulau untuk projek ini dan berapa pampasan yang diberikan sekiranya berlaku pengambilan tanah?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Butiran kelulusan EIA, TIA dan SIA bagi projek LRT adalah seperti berikut:

**(i) Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA):**

Laporan EIA bagi Segmen 1 hingga 4 (meliputi jajaran dari Komtar ke Permatang Damar Laut) telah mendapat kelulusan pelanjutan tempoh sah laku dari 21 Februari 2024 sehingga 20 Februari 2025 melalui surat bertarikh 17 Oktober 2023 daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya.

Laporan EIA bagi Segmen 5 (Permatang Damar Laut ke Silicon Island) telah dikemukakan kepada JAS Putrajaya untuk kelulusan pada 9 Februari tahun ini. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal EIA (EIATRC) telah membincangkan laporan EIA tersebut pada 4 April. Susulan itu, laporan EIA Segmen 5 telah dikemas kini mengikut ulasan yang dikemukakan oleh agensi-agensinya teknikal dan individu yang dilantik dijangka akan dikemukakan kepada JAS Putrajaya pada hujung bulan Mei 2024.

**(ii) Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA):**

Laporan SIA bagi Segmen 1 hingga 4 adalah sah sehingga 19 Jun 2024. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) telah mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh sah laku kelulusan tersebut kepada PLANMalaysia Pulau Pinang pada 15 November 2023.

PLANMalaysia Pulau Pinang telah memanjangkan permohonan pelanjutan ini kepada PLANMalaysia Putrajaya melalui surat bertarikh 2 Januari 2024 untuk penelitian dan nasihat pihak Ketua Pengarah.

Perbincangan permohonan perlanjutan tempoh kelulusan telah diadakan pada 23 April 2024 di mana PLANMalaysia telah meminta maklumat tambahan termasuk rekod sesi libat urus yang terkini. Perkara ini sedang dalam tindakan rakan pelaksana projek, SRS Consortium.

Laporan SIA bagi Segmen 5 telah dikemukakan kepada PLANMalaysia Pulau Pinang pada 5 April 2024 untuk kelulusan. Mesyuarat panel penilai akan diadakan untuk membincangkan laporan tersebut.

**(iii) Laporan Penilaian Impak Trafik (TIA)**

Laporan TIA bagi Segmen 1 hingga 4 telah mendapat kelulusan pelanjutan tempoh sah laku sehingga 27 Disember 2025.

Penyiapan laporan TIA bagi Segmen 5 pula masih diusahakan oleh perunding.

- (a) Pada masa ini, pelan pengambilan tanah bagi lokasi-lokasi yang terlibat dalam pembinaan jajaran dan stesen LRT Laluan Mutiara dalam proses pemuktamadan. Nilai pampasan hanya dapat ditentukan setelah pelan tersebut dimuktamadikan. Aktiviti pengambilan tanah akan dijalankan mengikut Kanun Tanah Negara 1965.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

22. Selepas mendapat tentangan hebat daripada pelbagai pihak, adakah projek Asrama Warga Asing di Teluk Kumbar akan diteruskan?
- (a) Adakah projek ini menepati semua syarat yang ditetapkan serta senaraikan semua hasil-hasil kajian yang diperolehi.
  - (b) Apakah langkah kerajaan bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di jalan utama Teluk Kumbar?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri pada ketika ini telah menangguhkan terlebih dahulu pembinaan asrama pekerja di kawasan Teluk Kumbar kerana mengambil kira aduan serta maklum balas daripada komuniti setempat di kawasan Teluk Kumbar dan pemegang taruh yang berkepentingan.
- (a) Projek Asrama Warga Asing di Teluk Kumbar ini telah mematuhi syarat-syarat teknikal yang telah ditetapkan dalam Permohonan Kebenaran Merancang. Antara kajian yang dijalankan adalah **Laporan Kajian Impak Sosial (SIA)** dan **Laporan Kajian Impak Lalu Lintas (TIA)**.

Secara ringkasnya, Laporan Kajian SIA mengesyorkan supaya permohonan cadangan asrama pekerja yang bertujuan menempatkan pekerja asing di penempatan khusus dengan persekitaran yang tersusun dan dikawal oleh pengurus asrama ini dibenarkan. Segala penemuan jangkaan impak negatif dari borang soal selidik dan *Focus Group Discussion* (FGD) telah



dinilai dan kemudiannya langkah-langkah mitigasi telah dicadangkan melalui Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang sistematik dan boleh dilaksanakan. Ini penting bagi memastikan Projek Asrama Pekerja Teluk Kumbar memberi faedah kepada semua pihak berkepentingan serta mengurangkan impak buruk yang dijangka berlaku dari pelbagai aspek dalam jangka masa panjang.

Manakala, Laporan Kajian TIA pula mengesyorkan supaya cadangan penambahbaikan dibuat ke atas akses laluan yang lebih baik dipinda ke cadangan pembangunan dan keseluruhan aliran trafik di lokaliti kawasan tersebut melalui pelebaran dan naik taraf jalan, naik taraf simpang serta penggunaan laluan bas kilang yang telah dikenal pasti dalam kajian TIA ini.

Kedua-dua laporan kajian ini telah mendapat kelulusan sebelum Permohonan Kebenaran Merancang dipertimbangkan.

- (b) Kerajaan Negeri sememangnya memandang serius terhadap isu kesesakan lalu lintas di jalan utama Teluk Kumbar. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:
  - (i) Mengenakan syarat kepada beberapa pemaju yang mempunyai perancangan pemajuan di kawasan Teluk Kumbar dan Sungai Batu untuk menaik taraf dan melebarkan Jalan Teluk Kumbar bagi mengurangkan kesesakan di sepanjang Jalan Teluk Kumbar. Jalan-jalan yang disyorkan kepada pemaju untuk dinaik taraf adalah seperti berikut:
    - (1) Persimpangan Jalan Teluk Kumbar/Tingkat Teluk Kumbar hingga ke persimpangan Jalan Teluk Kumbar/Cangkat Bukit Belah 7; dan
    - (2) Persimpangan Jalan Teluk Kumbar/Jalan Gertak Sanggul dan Jalan Teluk Kumbar/Jalan Sungai Batu.

- (ii) Menyalurkan peruntukan kepada pihak JKR bagi menjalankan kajian lalu lintas di kawasan Jalan Sungai Batu/Jalan Teluk Kumbar;
- (iii) Mengadakan kerjasama bersama Rapid Penang untuk menambah baik perkhidmatan bas awam di Pulau Pinang. Bilangan bas akan ditambah secara berperingkat mengikut keperluan bagi penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti yang dapat meliputi laluan-laluan sosial;
- (iv) Meluluskan Pelan Induk Pengangkutan Awam Pulau Pinang yang memberi tumpuan untuk mewujudkan proses peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian ke pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan di Pulau Pinang;
- (v) Memasang kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan pulau, Pulau Pinang. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan. CCTV sedia ada akan dinaik taraf dengan menggunakan sistem analisis video (*video analytic*) untuk meningkatkan keupayaan pengurusan lalu lintas dan keselamatan orang awam:
- (vi) Meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan berkerjasama dengan pihak polis untuk mengawal lalu lintas di persimpangan-persimpangan jalan yang mengalami kesesakan; dan
- (vii) Menjalankan tindakan penguatkuasaan seperti saman, kapit dan tunda kenderaan bagi menghalang/meletak kenderaan di kawasan yang tidak dibenarkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

23. Senaraikan tanah-tanah pertanian yang telah ditukar status di DUN Pulau Betong.
- (a) Apakah syarat-syarat yang dibenarkan untuk menukar status tanah pertanian?
- (b) Bagaimanakah langkah-langkah kerajaan dalam mengekalkan tanah pertanian yang sedia ada bagi mengimbangi pembangunan di negeri ini?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

23. Senarai tanah pertanian di DUN Pulau Betong yang telah ditukar status kegunaan tanah di antara tahun 2018 sehingga tahun 2023 adalah seperti berikut:

| Tahun | No. Lot | Mukim | Keluasan (m.p.) | Kategori Tanah |          |
|-------|---------|-------|-----------------|----------------|----------|
|       |         |       |                 | Asal           | Baru     |
| 2018  | 259     | F     | 1,046.00        | Pertanian      | Bangunan |
| 2019  | -       | -     | -               | -              | -        |
| 2020  | -       | -     | -               | -              | -        |
| 2021  | -       | -     | -               | -              | -        |
| 2022  | 21      | A     | <u>Lot 21</u>   | Pertanian      | Bangunan |

|      |                   |   |   |           |          |
|------|-------------------|---|---|-----------|----------|
|      | &<br>23           |   | 13,202.8484<br><u>Lot23</u> 12,444.0638             |           |          |
| 2023 | 1580<br>&<br>1584 | 4 | <u>Lot1580</u> 4,048.00<br><u>Lot 1584</u> 4,053.00 | Pertanian | Bangunan |

- (a) Syarat-syarat yang dibenarkan untuk menukar kategori tanah pertanian adalah seperti berikut :
- (i) Pemohon perlu mendapat kelulusan perlingkungan semula (*rezoning*) daripada PlanMalaysia melalui Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC);
  - (ii) Pemohon perlu mendapat kelulusan pengubahan kategori penggunaan tanah di bawah Seksyen 124(a), Kanun Tanah Negara.
- (b) Dalam usaha mengimbangi keperluan pembangunan serta mengekalkan tanah pertanian, pembangunan yang dicadangkan mestilah tidak bercanggah dengan :
- (i) Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030) seperti yang dinyatakan di Jadual A.9 rancangan tersebut di mana pembangunan tanah pertanian di negeri ini tidak akan melibatkan kawasan pertanian di dalam KSAS warisan (terutamanya kawasan jelapang padi yang diwartakan); dan
  - (ii) Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 (DRTSP 2030) yang menggariskan tindakan-tindakan bagi memperkasakan guna tanah pertanian dan mengekalkan zon guna tanah pertanian serta mengekalkan kawasan Jelapang Padi Negara.

Selain rancangan-rancangan seperti di atas, Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2023 bagi menguruskan permohonan pecah bahagian bagi tanah yang terletak di kawasan pertanian khususnya kawasan jelapang padi. Secara asasnya, permohonan

pecah bahagian dalam kawasan jelapang padi aktif hendaklah ditolak. Walau bagaimanapun, permohonan ini boleh dipertimbangkan oleh PBN sekiranya mempunyai justifikasi yang kukuh. Pekeliling ini dihasilkan bagi menjaga kepentingan negeri dalam menguruskan kelestarian tanah-tanah pertanian terutamanya yang melibatkan kawasan jelapang padi serta hak seseorang tuan punya tanah untuk mendapatkan hakmilik berasingan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

24. Apakah perkembangan *task force* yang diwujudkan di peringkat Daerah Timur Laut dan Barat Daya bagi menyediakan pangkalan data tanah-tanah terbiar dan mengenal pasti punca serta faktor-faktor, menyediakan ulasan teknikal dan mengemukakan pelan tindakan bagi pemulihan tanah terbiar?
- (a) Senaraikan pihak yang terlibat dalam *task force* ini.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

24. Hasil semakan pentadbiran ini dengan daerah didapati tiada sebarang *task force* diwujudkan bagi menyediakan pengkalan data tanah-tanah terbiar.

Walau bagaimanapun tanah-tanah kerajaan yang dikategorikan sebagai tanah lapang akan diwartakan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) dimana Pegawai Pengawal adalah YB Setiausaha Kerajaan Negeri manakala Jabatan Penyelenggaraan adalah Pihak Berkuasa Tempatan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

25. Senaraikan bilangan permohonan rumah kos rendah dan sederhana rendah di Daerah Barat Daya, serta permohonan mengikut bangsa dan jumlah status menunggu dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Apakah usaha kerajaan mempercepatkan kelulusan permohonan?
- (b) Nyatakan jumlah terkini yang telah dibina dan akan dibina di Daerah Barat Daya.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Bermula 1 Januari 2020 sehingga 30 April 2024, bilangan permohonan terkumpul yang direkodkan dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi permohonan Rumah Mampu Milik (RMM) di Daerah Barat Daya (DBD) adalah seramai 1,808 orang pemohon bagi kategori RMM A (rumah kos rendah) dan 730 orang pemohon bagi kategori RMM B (rumah kos sederhana rendah). Pecahan bilangan permohonan terkumpul bagi RMM A dan RMM B mengikut bangsa adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

| Bilangan Permohonan Terkumpul Dalam Sistem SMP |        |      |       |           |        |      |       |           |
|--|--------|------|-------|-----------|--------|------|-------|-----------|
| Kategori RMM                                   | RMM A  |      |       |           | RMM B  |      |       |           |
| Bangsa   | Melayu | Cina | India | Lain-lain | Melayu | Cina | India | Lain-lain |

|                                      |              |     |     |   |            |     |    |   |
|--------------------------------------|--------------|-----|-----|---|------------|-----|----|---|
| <b>Jumlah</b>                        | 1,522        | 162 | 118 | 6 | 443        | 191 | 93 | 3 |
| <b>Jumlah Keseluruhan Permohonan</b> | <b>1,808</b> |     |     |   | <b>730</b> |     |    |   |

**Jadual 1:** Pecahan bilangan permohonan terkumpul RMM A dan RMM B mengikut bangsa bagi DBD bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 30 April 2024.

Selaras dengan Dasar Kerajaan Negeri, hanya pemohon yang mengemas kini dalam tempoh tiga (3) tahun berakhir sahaja layak tersenarai sebagai Senarai Menunggu yang aktif. Selari dengan dasar yang menetapkan pengemaskinian setiap tiga (3) tahun, terdapat seramai 920 orang pemohon berada dalam kategori RMM A, manakala seramai 615 orang pemohon dalam kategori RMM B bagi pemohon yang aktif dan dikemas kini dalam tempoh tiga (3) tahun serta disenaraikan sebagai Senarai Menunggu aktif untuk penawaran. Pecahan bilangan pemohon yang aktif dan kemas kini dalam Senarai Menunggu bagi RMM A dan RMM B mengikut bangsa adalah seperti di **Jadual 2** berikut:

| <b>Bilangan Pemohon Aktif Dan Kemas kini Dalam Senarai Menunggu Dalam SMP</b> |              |      |       |           |              |      |       |           |
|---|--------------|------|-------|-----------|--------------|------|-------|-----------|
| <b>Kategori RMM</b>   | <b>RMM A</b> |      |       |           | <b>RMM B</b> |      |       |           |
| <b>Bangsa</b>   | Melayu       | Cina | India | Lain-lain | Melayu       | Cina | India | Lain-lain |
| <b>Jumlah</b>   | 768          | 82   | 69    | 1         | 380          | 159  | 73    | 3         |
| <b>Jumlah Keseluruhan Pemohon Dalam Status Menunggu</b>                       | <b>920</b>   |      |       |           | <b>615</b>   |      |       |           |

**Jadual 2:** Pecahan bilangan pemohon aktif dan kemas kini dalam Senarai Menunggu bagi RMM A dan RMM B mengikut bangsa di DBD bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 30 April 2024.



- (a) Kerajaan Negeri melaksanakan penawaran unit RMM A, B dan C kepada pemohon yang berada dalam Senarai Menunggu aktif, layak dan berdaftar di dalam SMP Kerajaan Negeri berdasarkan kesediaan unit perumahan itu sendiri. Secara umumnya, tahun pendaftaran dan pengemaskinian setiap tiga (3) tahun sekali menjadi kriteria utama penawaran. Jawatankuasa khusus penawaran yang dikenali sebagai Mesyuarat Jawatankuasa Prestasi dan Pencapaian Perumahan (HOPE) bersidang setiap bulan untuk memperaku Senarai Menunggu yang aktif dan telah dikemas kini secara dalam talian. Sehingga 30 April 2024, mesyuarat ini telah bersidang sebanyak enam (6) kali dan seramai 2,765 nama pemohon telah diperakukan untuk ditawarkan daripada keseluruhan 7,792 Senarai Menunggu yang aktif dan telah kemas kini. Selain itu, perakuan senarai pembeli bagi RMM C juga akan diproses setiap bulan untuk membantu penjualan RMM C tersebut.
- (b) Kerajaan Negeri mensasarkan pembekalan sebanyak 220,00 unit RMM menjelang tahun 2030 selaras dengan Visi *Penang2030*. Setakat 30 April 2024, penyediaan unit RMM tersebut telah mencecah sebanyak 160,744 unit iaitu 73.07%. Secara keseluruhannya, projek yang telah dibina di DBD melibatkan jumlah 8,200 unit RMM, manakala projek yang bakal dibina pula melibatkan jumlah 6,078 unit RMM. Projek yang telah dibina dan bakal dilaksanakan pada masa akan datang merangkumi projek yang telah mendapat kelulusan kebenaran merancang, telah mendapat kelulusan pelingkungan semula dan dalam senarai agensi / jabatan Kerajaan. Perinciannya adalah seperti di **LAMPIRAN**.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

26. Senaraikan bilangan penangkapan nelayan haram di Daerah Barat Daya dan tempat penangkapan tersebut.
- (a) Apakah usaha kerajaan dalam mengurangkan nelayan haram ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Penangkapan nelayan haram di Daerah Barat Daya adalah di kawasan laut dan bilangan kes adalah seperti berikut:

| <b>TAHUN</b>  | <b>KES</b> |
|---------------|------------|
| 2021          | 6          |
| 2022          | 16         |
| 2023          | 8          |
| <b>JUMLAH</b> | <b>30</b>  |

- (a) Dalam usaha mengurangkan nelayan haram ini, Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang (DOF) telah melaksanakan Ops Periksa bagi memastikan setiap nelayan mematuhi syarat-syarat lesen yang dikeluarkan di bawah Akta Perikanan 1985 termasuk penguatkuasaan terhadap nelayan yang tiada lesen yang sah. Selain itu, Operasi Bersepadu turut dilaksanakan bersama-sama Pasukan Polis Marin Wilayah 1 bagi membuat kawalan dan penguatkuasaan terhadap nelayan yang tiada lesen yang sah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

27. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membekalkan free shuttle bus service untuk kegunaan pelajar sekolah?
- (a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Kerajaan Negeri telah melancarkan program insentif Pas Mutiara (My50) bermula pada Mac 2021 sehingga kini. Dengan penggunaan Pas Mutiara, semua rakyat Malaysia termasuk pelajar sekolah dapat menggunakan perkhidmatan bas Rapid Penang secara percuma.
- (a) Inisiatif Kerajaan Negeri bagi menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam adalah seperti berikut:
- (i) Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menyediakan perkhidmatan Bas Shuttle Percuma George Town (CAT) dalam pusat bandar George Town bagi mengurangkan kesesakan di dalam bandar. Perkhidmatan bas ini telah bermula pada 23 Januari 2008 dengan bilangan bas sebanyak tiga (3) buah bas. Namun, bermula November 2014 MBPP telah menambah kepada lima (5) buah bas memandangkan permintaan pengguna yang semakin meningkat dari semasa ke semasa;
- (ii) Kerajaan Negeri juga telah melancarkan program insentif Pas Mutiara (My50) bermula pada Mac 2021 sehingga kini. Melalui subsidi ini, rakyat Pulau Pinang boleh

menikmati perkhidmatan bas secara percuma di seluruh negeri Pulau Pinang.

- (iii) Pada 1 September 2020 Kerajaan Negeri telah memperkenalkan perkhidmatan bas percuma menerusi program *Congestion Alleviation Transit (CAT) Bridge* (CT13) yang beroperasi sehingga kini. Perkhidmatan CAT Bridge ini bermula dari Seberang Jaya melalui Jambatan Pulau Pinang sehingga ke kawasan Free Industrial Zone (FIZ) Bayan Lepas;
- (iv) Pada 1 Januari 2023, laluan Bukit Mertajam – KOMTAR (CT14) telah diperkenalkan. Sehingga kini, sambutan daripada pengguna amat menggalakkan; dan
- (v) Kerajaan Negeri turut menyediakan perkhidmatan bagi program Bridge Express Shuttle Transit (BEST) Komtar untuk pekerja yang bekerja di KOMTAR terutama kepada penjawat awam.

Merangka untuk mewujudkan lorong bas di sebahagian jalan di pusat bandar bagi memendekkan waktu perjalanan bas serta menarik lebih ramai orang untuk menggunakan bas.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

28. Masalah pemendapan tambor (selut) yang cetek dan sempit lalu alur sungai ke laut. Adakah penambahan peruntukan kepada JPS untuk memastikan masalah ini dapat diatasi lebih awal sebelum ianya mengganggu aktiviti nelayan turun ke laut untuk mencari rezeki?
- (a) Apakah persediaan awal oleh JPS untuk menangani Isu ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Peruntukan tahunan yang diterima setiap jabatan adalah berdasarkan kepada perancangan dan permohonan yang dibuat. Kebiasaannya, ia adalah berdasarkan kepada keutamaan projek dan unjuran kewangan jabatan untuk setiap lima (5) tahun. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes kecemasan, jabatan boleh membuat permohonan peruntukan tambahan kepada Jabatan Kewangan Negeri (JKN) tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negeri dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).
- (a) Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) melaksanakan kerja-kerja pengorekan di muara sungai yang dikenal pasti secara berjadual pada setiap tahun berdasarkan kepada keutamaan dan ketersediaan peruntukan. Perancangan dan permohonan peruntukan dibuat dengan mengutamakan muara-muara yang menghalang aktiviti nelayan serta aliran sungai ke laut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

29. Masalah bekalan air bersih di Flat Lily Balik Pulau. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi menyelesaikan masalah ini?
- (a) Nyatakan projek-projek yang bakal dijalankan di sini dan jumlah kos yang akan disediakan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Masalah bekalan air di Flat Lily, Balik Pulau adalah disebabkan tekanan dalam paip bekalan yang rendah. Ini menyebabkan air tidak dapat dipam ke dalam tangki simpanan yang terletak di atas bangunan. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah menyarankan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) bangunan tersebut untuk memasang tangki sedutan dan pam bagi menyelesaikan masalah tersebut. Secara purata, tekanan di sempadan bekalan ke flat tersebut adalah memenuhi keperluan tekanan minima seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Projek-projek yang akan dilaksanakan di kawasan ini adalah pembinaan Kolam Takungan Bukit Penara dan pemasangan paip baharu dari Kolam Takungan Genting yang kini dalam peringkat kajian reka bentuk. Projek-projek ini dijangka akan menyelesaikan masalah bekalan dan tekanan air bersih di kawasan-kawasan tinggi sekitar Bukit Penara termasuk Flat Lily. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan Julai 2027 dengan anggaran kos berjumlah RM16.5 juta.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VI)30**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

30. Apakah peranan Penyelaras KADUN?

- (a) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan kepada setiap Penyelaras KADUN?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Peranan Penyelaras KADUN adalah seperti berikut:

1. Memastikan peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri selaras dengan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 2010 berkenaan Garis Panduan Pelaksanaan Projek-Projek Di Bawah Maksud Pembangunan P.16 (02) bagi Pelaksanaan Projek Fizikal dan P.16 (03) Projek-Projek Khas/ Latihan Khas/ Bekalan dibelanjakan sewajarnya dengan pemantauan Pejabat Daerah & Tanah berkenaan dan Jabatan Kewangan Negeri.
2. Menghadiri Majlis-Majlis Rasmi anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkumi anjuran Pejabat Daerah dan Tanah berkenaan.
3. Menganjurkan program-program kemasyarakatan bagi setiap pecahan kategori program seperti berikut:
  - a. Program Pembangunan Kemahiran;
  - b. Program Pembangunan Ekonomi/ Perusahaan Kecil/ Pembangunan Desa;

- c. Program Pembangunan Belia/ Wanita/ Sukan dan Rekreasi;
  - d. Program Kebajikan Perpaduan/ Keharmonian Kaum; dan
  - e. Program Kebersihan dan Kesihatan.
4. Memastikan aduan yang dikemukakan oleh orang awam diambil tindakan segera.
  5. Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah.
  6. Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah.
  7. Mengadakan Mesyuarat Penyelarasan bersama JPKK.
  8. Setiap Laporan Perbelanjaan (utiliti) dan aktiviti dikemaskini dan dihantar ke pejabat Timbalan Ketua Menteri I.
  9. Menghadiri mesyuarat bulanan dengan Timbalan Ketua Menteri I. Tarikh dan masa tertakluk kepada ketetapan dan notis mesyuarat.
  - a. Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan tahunan sebanyak RM100,000.00 kepada setiap Penyelaras KADUN yang meliputi sejumlah RM20,000.00 seorang bagi pelaksanaan Projek Pembangunan Masyarakat [P.16 (02)] dan RM80,000.00 seorang bagi pelaksanaan Program Khas dan Latihan Khas [P.16 (03)].